

## UMUM

1. **Apakah lingkungan had umur untuk kanak-kanak di KidZania Kuala Lumpur?**  
Untuk bahagian lakon peranan, ia dikhususkan untuk kanak-kanak di antara 4 dan 14 tahun. Untuk kanak-kanak berumur 3 tahun ke bawah terdapat bahagian khas yang diberi nama 'Rumah Urbano' yang terletak di Aras Mezanin di KidZania Kuala Lumpur.
2. **Apakah kapasiti maksimum di KidZania Kuala Lumpur?**  
Maksimum 1,700 pengunjung sehari.
3. **Apakah waktu lawatan dan tempoh yang ditetapkan untuk kunjungan kumpulan sekolah di KidZania Kuala Lumpur?**  
KidZania Kuala Lumpur dibuka untuk kumpulan sekolah dari jam 9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat untuk satu sesi. Tiada had waktu lawatan bagi kumpulan sekolah.
4. **Adakah hentian khas yang disediakan untuk bas sekolah bagi membawa kanak-kanak ke KidZania Kuala Lumpur?**  
Hentian khas disediakan di Curve NX. Dari sini, kumpulan sekolah akan dibawa ke Lapangan Terbang di KidZania Kuala Lumpur, dimana kakitangan kami akan menyambut setiap kumpulan sekolah.
5. **Bolehkah guru/orang dewasa memasuki dan meninggalkan KidZania Kuala Lumpur selepas itu?**  
Guru/orang dewasa dikehendaki mengawasi kanak-kanak yang diiringi di sepanjang tempoh kunjungan.
6. **Apakah jenis aktiviti yang boleh disertai oleh kanak-kanak di KidZania Kuala Lumpur?**  
Kanak-kanak boleh menyertai lebih 90 aktiviti di bawah beberapa kategori: di antaranya termasuklah Media, Seni dan Kraf, Peruncitan, Perkhidmatan Awam dan Persendirian, Sukan, Makanan dan Minuman, Pembinaan dan banyak lagi.
7. **Berapakah jumlah aktiviti yang boleh disertai kanak-kanak di dalam satu sesi?**  
Kebanyakan aktiviti boleh dilakukan dalam masa 15 ke 30 minit. Oleh itu, seorang kanak-kanak boleh menyertai sebanyak 10 aktiviti setiap sesi.
8. **Bolehkah guru/orang dewasa memasuki bahagian lakon peranan kanak-kanak?**  
Sepanjang berada di dalam KidZania Kuala Lumpur, guru/orang dewasa tidak boleh memasuki bahagian lakon peranan kanak-kanak kecuali Teater dan Studio TV. Hanya kanak-kanak dibenarkan berada di dalam bahagian tersebut, sementara guru/orang dewasa hanya dibenarkan untuk memerhatikan mereka menerusi tingkap.
9. **Jika ratio guru yang mengiringi ialah 1:10, adakah guru tambahan di dalam satu-satu kumpulan akan dikenakan bayaran masuk?**  
Ya, guru/orang dewasa tambahan akan dikenakan bayaran masuk ke KidZania Kuala Lumpur. Untuk tadika dan nurseri, ratio bagi guru untuk setiap pelajar ialah 1:5.
10. **Adakah kami dibenarkan mengambil gambar?**  
Ya.
11. **Bagaimanakah anda mengendalikan barisan?**  
Setiap barisan dikendalikan sendiri oleh kanak-kanak di hadapan setiap bahagian. Zupervisor, atau penyelia yang ditugaskan di setiap bahagian akan memberi arahan yang bersesuaian. Guru/orang dewasa tidak dibenarkan berbaris bagi pihak kanak-kanak.
12. **Jika saya berkunjung dengan sekumpulan pelajar, bagaimanakah saya dapat mengawasi lokasi mereka semasa di KidZania Kuala Lumpur dan bagaimanakah saya mengumpulkan mereka semula sebelum meninggalkan KidZania Kuala Lumpur?**  
Ketika berada di KidZania Kuala Lumpur, semua pelajar perlu sentiasa diawasi oleh guru masing-masing. Sebelum meninggalkan KidZania Kuala Lumpur, guru-guru dinasihatkan supaya memastikan semua pelajar mereka berkumpul di lokasi tertentu (contohnya, di Central Square) 15 atau 20 minit sebelum meninggalkan KidZania Kuala Lumpur. Guru dan para pelajar kemudiannya akan dibawa dalam kumpulan kecil ke Jabatan Imigresen dan seterusnya ke pintu keluar. Pihak sekolah dipertanggungjawabkan untuk memastikan tiada pelajar yang tercicir atau hilang di sepanjang kunjungan mereka ke KidZania Kuala Lumpur.
13. **Bolehkah saya membuat pengumuman menerusi sistem PA untuk mencari kanak-kanak?**  
KidZania Kuala Lumpur tidak mengendalikan pengumuman menerusi sistem PA. Oleh itu, guru/orang dewasa perlu sentiasa mengawasi kanak-kanak yang mereka iringi ketika berada di sini. Guru/orang dewasa boleh menjejak kanak-kanak yang diiringi menggunakan tag RFID atau Pengenalalan Frekuensi Radio (Radio Frequency Identification).
14. **Apabila kanak-kanak perlu ke tandas, siapakah yang akan mengiringinya?**  
Zupervisor, penyelia yang ditugaskan bagi kanak-kanak di dalam setiap bahagian, akan membantu menunjukkan arah ke tandas berdekatan. Kanak-kanak yang berumur di bawah 8 tahun perlu diiringi oleh guru/orang dewasa.
15. **Jika KidZania Kuala Lumpur terbuka kepada kanak-kanak berumur 4-14 tahun, bagaimanakah kanak-kanak dari peringkat umur yang berbeza dapat melakukan aktiviti bersama?**  
Kanak-kanak akan melakukan aktiviti mereka secara bersama-sama di bawah bimbingan seorang Zupervisor. Aktiviti dan tugasan akan diberikan kepada kanak-kanak berdasarkan peringkat umur mereka. Aktiviti di bahagian yang disediakan akan menarik perhatian kanak-kanak dengan sendirinya di peringkat umur yang berbeza.
16. **Sekerap manakah pakaian seragam, rambut palsu dan hiasan dibersihkan?**  
KidZania Kuala Lumpur menetapkan polisi kebersihan yang ketat untuk memastikan pakaian seragam, rambut palsu dan hiasan dicuci dengan kerap dan sentiasa dikedalkan dalam keadaan yang baik.
17. **Adakah terdapat laluan kerusi roda di KidZania Kuala Lumpur?**  
Semua kawasan di KidZania Kuala Lumpur menyediakan laluan bagi memudahkan pergerakan kerusi roda, termasuk pentas lakonan di bahagian teater.
18. **Bagaimanakah kanak-kanak menggunakan mata wang kidZos di KidZania Kuala Lumpur?**  
Setiap kanak-kanak akan menerima sekeping cek bernilai 50 kidZos apabila masuk ke KidZania Kuala Lumpur. Dengan cek ini, kanak-kanak perlu ke bank untuk membuka akaun dan menerima kidZos secara tunai dan kad ATM. Kanak-kanak boleh menggunakan kidZos ini di semua bahagian di sekitar KidZania Kuala Lumpur dan memperolehi lebih banyak kidZos dengan 'bekerja' di pelbagai bahagian. kidZos juga boleh disimpan di dalam akaun bank yang boleh dikeluarkan melalui ATM yang terdapat di sekitar KidZania Kuala Lumpur.

## MAKANAN DAN MINUMAN

19. Bolehkah snek sarapan tengah hari dan/atau pek sajian tengahari ditempah lebih awal sebelum berkunjung ke KidZania Kuala Lumpur?  
Pilihan pek sajian tengahari disediakan (kos tidak termasuk di dalam tiket masuk), dengan pilihan menu daripada kafeteria dan rangkaian restoran yang terdapat di KidZania Kuala Lumpur. Pek sajian tengahari yang disertakan dengan makanan dan minuman perlu ditempah lebih awal menggunakan borang tempahan sekolah KidZania Kuala Lumpur. Makanan dan minuman luar tidak boleh dibawa masuk ke KidZania Kuala Lumpur.
20. Adakah anda menyediakan kemudahan menjamu selera di KidZania Kuala Lumpur? Di manakah kanak-kanak makan?  
Ya, kami mempunyai 6 kemudahan tempat untuk menjamu selera dan kanak-kanak boleh menikmati makanan mereka di rangkaian restoran yang terdapat di KidZania Kuala Lumpur. Makanan dan minuman boleh dibeli menggunakan Ringgit Malaysia. Kemudahan tempat untuk menjamu selera turut disediakan untuk guru/orang dewasa di Ruang Rehat Ibu Bapa.
21. Bolehkah kanak-kanak membeli makanan/minuman ketika berada di KidZania Kuala Lumpur?  
Ya, kanak-kanak boleh membeli makanan dan minuman di KidZania Kuala Lumpur. Bagaimanapun, semua makanan dan minuman perlu dibayar menggunakan Ringgit Malaysia dan bukannya kidZos.
22. Apakah jenis makanan yang boleh diperolehi di KidZania Kuala Lumpur?  
Terdapat 6 pilihan restoran di KidZania Kuala Lumpur yang menyajikan berbagai-bagai sajian Timur dan Barat; termasuk piza, burger dan pastri. Semua makanan dan minuman di KidZania Kuala Lumpur adalah halal dan kami turut menyediakan pilihan untuk vegetarian.
23. Adakah minuman disediakan untuk kanak-kanak?  
Minuman disediakan di dalam setiap pek sajian tengahari. Minuman boleh dibeli di mana-mana restoran di KidZania Kuala Lumpur.
24. Jika kanak-kanak mempunyai masalah pemakanan, bagaimanakah KidZania Kuala Lumpur dapat membantu?  
KidZania Kuala Lumpur menerima tempahan menu khas untuk kanak-kanak yang mempunyai keperluan pemakanan yang khusus. Guru/orang dewasa perlu memberi maklumat mengenai butiran pemakanan bagi kanak-kanak tersebut di dalam borang tempahan sekolah KidZania Kuala Lumpur.

## KAKITANGAN DAN KESELAMATAN

25. Berapakah bilangan orang dewasa/Zupervisor yang ditugaskan di KidZania Kuala Lumpur?  
Lebih kurang 300 Zupervisor.
26. Adakah Zupervisor memiliki kelayakan untuk mengendalikan kanak-kanak? Apakah latihan yang telah mereka jalani?  
Para Zupervisor kami telah dilatih secara intensif untuk mengendalikan kanak-kanak dan telah diberi kursus latihan pedagogikal yang tertentu.
27. Berapakah bahasa yang digunakan oleh Zupervisor?  
Semua Zupervisor boleh bertutur di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Terdapat juga Zupervisor yang boleh bertutur di dalam Mandarin, Tamil dan bahasa lain.

28. Apakah bahasa yang digunakan di dalam aktiviti-aktiviti di KidZania Kuala Lumpur?  
Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa utama di dalam semua aktiviti. Bahasa Melayu turut disediakan di sini sekiranya diperlukan. Bagaimanapun, permohonan awal untuk bahasa lain akan dipertimbangkan.
29. Apakah prosedur pengungsian KidZania Kuala Lumpur sekiranya berlakunya kebakaran?  
Jika berlaku kebakaran, Zupervisor bagi satu-satu bahagian akan menyelia kanak-kanak di bawah tugasannya dan membawa mereka ke pintu keluar kecemasan yang berhampiran. Ini adalah sebahagian daripada prosedur pengungsian komprehensif.
30. Berapakah jumlah CCTV yang berada di sini?  
Terdapat kira-kira 80 kamera CCTV di sekitar KidZania Kuala Lumpur yang sentiasa diawasi.
31. Apa yang akan dilakukan untuk menangani kanak-kanak yang nakal?  
Guru/orang dewasa dipertanggungjawabkan ke atas kelakuan setiap kanak-kanak. Jika terdapat kanak-kanak nakal dan sukar dikawal yang mengganggu aktiviti, kanak-kanak tersebut akan diminta untuk meninggalkan aktiviti atau bahagian tersebut.
32. Adakah KidZania Kuala Lumpur mempunyai kemudahan Pertolongan Cemas?  
Ya, kakitangan yang bertauliah dengan Pertolongan Cemas untuk kanak-kanak disediakan di KidZania Kuala Lumpur sepanjang masa.
33. Berapakah bilangan tandas yang terdapat di KidZania Kuala Lumpur?  
Terdapat 4 set tandas di dalam KidZania Kuala Lumpur. Dua set disediakan di Aras Bawah dan dua set lagi di Aras Mezanin.
34. Adakah terdapat surau di KidZania Kuala Lumpur?  
Ya, kami menyediakan surau di KidZania Kuala Lumpur. Sebagai tambahan, anda juga boleh menggunakan surau di Aras 3 di bangunan Curve NX.

## LAWATAN NURSERI KANAK-KANAK DI KIDZANIA KUALA LUMPUR

35. Berapakah bilangan kanak-kanak yang dibenarkan di dalam Rumah Urbano?  
Pada satu-satu masa, lebih kurang 30 orang kanak-kanak dibenarkan di dalam Rumah Urbano yang perlu sentiasa diawasi oleh guru/orang dewasa. Rumah Urbano akan diawasi oleh 2 orang Zupervisor.
36. Adakah kanak-kanak boleh naik ke Rumah Urbano di Aras Mezanin dengan mudah?  
Selain daripada tangga, kami turut menyediakan lif di KidZania Kuala Lumpur bagi memudahkan penggunaan kereta sorong untuk kanak-kanak.
37. Bolehkah kanak-kanak nurseri mengunjungi bahagian lain di Aras Bawah?  
Semua kanak-kanak perlu diawasi oleh guru/orang dewasa. Mereka bebas untuk mengunjungi kawasan di Aras Bawah tetapi aktiviti yang boleh mereka sertai di kawasan ini adalah terhad.



KidZania Kuala Lumpur  
Rakan Riang Sdn Bhd (854286-D),  
Curve NX, 18 Jalan PJU 7/5, Mutiara Damansara,  
47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
No. tel: (603) 7839 9688 Faks: (603) 7839 9488  
Emel: schools@kidzania.com.my Laman web: www.kidzania.com